

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN : 25

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah hasil siasatan ke atas insiden TV1 yang tidak menyiarkan secara langsung ucapan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Menteri Pengangkutan ketika Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina anjuran Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya di Dataran Centrio, Seremban pada 17 Februari 2019 yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) menerusi siasatan dan laporan yang diterima daripada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mendapati liputan siaran langsung TV1 ketika sambutan Tahun Baharu Cina peringkat kebangsaan di Seremban, Negeri Sembilan yang lalu adalah mematuhi prosedur operasi standard, SOP yang ditetapkan.

2. Pada tahun 2000 telah diputuskan sebanyak enam perayaan kaum atau agama diangkat sebagai perayaan utama negara. Ia dikenali sebagai Rumah Terbuka Malaysia dan diraikan di peringkat kebangsaan anjuran bersama kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

3. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan dengan kerjasama kerajaan - kerajaan Negeri buat pertama kali telah mengadakan majlis rumah terbuka Malaysia Hari Raya Aidilfitri pada 6 Januari 2001 di Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

4. Bermula tahun 2013 Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya telah menaja penerbitan siaran langsung Majlis Rumah Terbuka Malaysia. Melalui kaedah ini, Kementerian membeli membeli waktu siaran dan bersama-sama merancang kandungan siaran langsung tersebut. Pendekatan ini masih dilaksanakan di bawah kepimpinan kerajaan Malaysia baharu menerusi perbincangan dan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, MOTAC.

5. SOP RTM menyatakan dengan jelas bahawa apabila Perdana Menteri menghadiri sebuah majlis rasmi, maka hanya ucapan beliau yang akan disiarkan secara langsung melalui RTM.

6. Bagaimanapun masih ada ruang bagi pihak penganjur sesebuah acara untuk berbincang dengan RTM bagi membuat perubahan kepada perkara-perkara yang perlu disiarkan secara langsung di sesuatu acara. Ia termasuklah memberikan liputan secara langsung bagi individu lain, lebih daripada apa yang tertera dalam SOP, berdasarkan nilai berita bagi acara tersebut.

7. Sebagai kesimpulan apa yang dilakukan oleh RTM adalah bertepatan dengan apa yang telah diatur dengan pihak penganjur dan SOP yang terpakai untuk majlis sedemikian.